

31/12/1999

30 fakta Joran

1. AKHBAR sisipan Joran keluaran pertama diterbitkan pada 4 Oktober 1996.
2. JORAN menganjurkan pertandingan memancing yang pertama di Kolam Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 5 Januari 1997. Pertandingan ini disertai kira-kira 900 peserta. Bagaimanapun pemenangnya ialah pelajar berusia 16 tahun, Shawaludin Mat Rejab yang menaikkan patin 3.9 kilogram.
3. GP JORAN yang pertama diadakan di Tanjung Piai, Johor. Alwi Mohd Taha dari Kluang, Johor muncul juara kategori laut dengan ikan pari 25 kilogram manakala Mohd Kamal Hussin dari Terengganu muncul juara pantai dengan belukang 2.5 kilogram.
4. RAHIMAH Ithnin dari Johor adalah satu-satunya peserta wanita yang menyertai keseluruhan GP Joran kategori laut pada 1997 dan 1998. Beliau sentiasa ditemani suaminya, Yusri Jamiah. Bagaimanapun tahun lalu (1999) muncul pencabar baru, Marzinah Palal, juga dari Johor.
5. OTHMAN Rahmat dari Pasir Gudang Johor memegang rekod tangkapan dalam pertandingan memancing GP Joran dengan ikan pari seberat 44 kilogram. Beliau muncul juara GP Joran di Tanjung Leman, Johor pada 1998.
6. MARSYAL Joran, Md Zali Kasran, nyaris lemas apabila terjatuh ketika membantu memungkah peralatan memancing peserta pertandingan di Tanjung Leman, Johor pada 1998. Bagaimanapun beliau berjaya diselamatkan tekong dan awak-awak bot.
7. ABDUL Wahab Idris adalah juara Grand Slam GP Joran pertama kategori laut. Beliau membawa pulang kereta Nissan AD Resort. Juara Grand Slam pertama kategori pantai pula disandang Simat Manan yang membawa pulang motosikal Enfield India 500 Bullet.
8. PELEPASAN pusingan akhir GP Joran di Pulau Langkawi, Kedah pada 1998 mencatat sejarah apabila disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.
9. PERTANDINGAN GP Joran di Langkawi juga mencatat sejarah apabila kebanyakan bot yang digunakan adalah bot pelancong. Mereka `berlumba sesama sendiri' sejeurus hon permulaan dibunyikan Dr Mahathir.
10. GP JORAN 1998 menyediakan hadiah wang tunai tertinggi iaitu RM157,250. Ia diadakan sebanyak lima pusingan.
11. JOHOR dan Perak adalah dua negeri yang menjadi tuan rumah tetap sejak GP Joran diadakan bermula pada 1997.
12. ARUAN tasik yang dinaikkan Ahmad Mortza Idris di Tok Bali, Kelantan adalah yang paling mahal. Ikan seberat 170 gram itu berniali RM5,000 apabila beliau diisytihar juara kategori pantai iaitu kira-kira RM29.42 bagi setiap satu gram.
13. GP JORAN diiktiraf sebagai pertandingan yang menyediakan hadiah paling lumayan. Setiap pusingan, dua buah lori dan sebuah van digunakan untuk membawa hadiah ke lokasi pertandingan.
14. GP JORAN diiktiraf oleh Malaysia Book Of Record sebagai pertandingan paling ramai penyertaan dan hadiah paling tinggi.
15. KETUA pendaftaran GP Joran, Ahmad Salim Bachok, terpaksa diusung menggunakan troli barang (luggage) hotel Awana Kijal Terengganu apabila beliau diserang gaot sehari sebelum pertandingan.
16. WALAUPUN Sally sering menjadi buruan, tetapi misteri siapakah beliau sebenarnya terus menjadi teka-teki di kalangan peserta GP Joran.
17. ADA peserta pantai menyumbat batu ladung, pasir dan kepala ikan ke dalam perut ikan yang dikailnya bagi menambah berat. Bagaimanapun cubaan menipu itu berjaya disekat hakim GP Joran. Pemancingnya pula lari lintang-

pukang sehingga tertinggal bekas ikan dan pancing yang dibawanya.

18. TIDAK ada peserta mampu mempertahankan kejuaraan Grand Slam yang dimenangi dalam tiga siri GP Joran. Pada 1997 ialah Abdul Wahab Idris (laut) dan Simat Manan (pantai); 1998 (Wan Abdul Hassan Wan Yusuf/Mohd Kamal Hussin); 1999 (Jamaluddin Latif/Salleh Awang Kechik)

19. MOHD Noor Ismail (Mat Spek) nyaris terkencing dalam seluar apabila terkena sengatan ikan depu di Tanjung Leman. Walaupun cuba bertahan, namun beliau tewas juga dan dihantar pulang untuk rawatan.

20. DAWANI Ahmad dari Kuala Lumpur terkena sengat pari di Kuantan, Pahang. Beliau gagal bertahan dan dihantar pulang untuk rawatan di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang.

21. VINCENT Yeo Hock Boon dari Segamat, Johor adalah pemegang rekod dunia IGFA bagi spesies bayan dengan tangkapan seberat 19.8 kilogram. Rekod sebelumnya ialah 9.5 kilogram. Bagaimanapun, Laskar Kelas 1, Zulkifli Subuh, pernah menaikkan spesies yang sama di Pulau Layang-layang seberat 70 kilogram.

22. PERTANDINGAN GP Joran di Tanjung Karang, Selangor pada 1997 mencatatkan penyertaan tertinggi apabila lebih 1,600 peserta mengambil bahagian. Ini menyebabkan ada peserta terpaksa memanjat pokok bakau kerana tempat tidak mencukupi.

23. KEMUNCULAN akhbar Joran di pasaran menjadi pencetus kepada beberapa syarikat untuk menerbitkan majalah memancing.

24. ABDUL Samad Afzal adalah pemancing yang berjaya menaikkan ikan paling besar menggunakan joran di negara ini. Beliau menjinakkan pari lang 220 kilogram di Pulau Mengalum, Sabah. Tiga pencangkuk (hook) yang digunakan untuk menaikkan pari berkenaan lurus kerana terlalu berat. Ikan berkenaan hanya berjaya dinaikkan ke dalam bot dengan mengikat mulutnya dengan tali bot.

25. TAHIR Ahmad dari Manjoi, Perak adalah peserta tertua pernah memenangi GP Joran. Beliau yang berusia 65 tahun muncul juara GP Joran di Teluk Rubiah, Perak pada 1999.

26. TENGGU Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Haji Ahmad Shah, adalah satu-satunya kerabat diraja yang 'turun padang' menyerikan pertandingan GP Joran yang sudah dijalankan sebanyak 16 pusingan sejak 1997.

27. WALAUPUN penganjur menyediakan insurans nyawa dalam GP Joran namun tidak ada seorang pun peserta ditimpa petaka sepanjang pertandingan ini.

28. MAGGI, Adabi dan UFL Coleman adalah tiga syarikat yang tidak pernah tertinggal menaja GP Joran sejak 1997. Tahniah dan semoga tajaan diteruskan tahun depan.

29. SUTRISNO Sadikon dari Banting, Selangor adalah peserta contoh. Beliau membuat bantahan dengan menyertakan yuran RM100 kepada urusetia bagi mengelak penipuan. Beliau yang mengetahui ada peserta membeli ikan daripada nelayan, terus membuat laporan dan bantahannya diterima. Beliau adalah satu-satunya peserta yang berani tampil ke depan bagi menegakkan keadilan.

30. ZAMRI Nurdin memegang rekod tangkapan terbesar kategori pantai GP Joran dengan ikan pari 10.75 kilogram yang dikail di Segari, Perak pada 1998.

(END)